



MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM
86200 SIMPANG RENGGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM

NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS PERNIAGAAN
[PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)]



KEPADА : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN / PELESEN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM (MDSR)

TARIKH : 8 JUN 2020

Setelah melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020, MDSR dengan ini mengambil inisiatif selaras dengan arahan Kerajaan berkenaan pengisytiharan **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)**, yang berkuatkuasa mulai **10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020**.

Sehubungan dengan itu, , MDSR bertindak menyesuaikan pelaksanaan arahan ini mengikut lokaliti di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Memasuki fasa pemulihan ini, lebih banyak kelonggaran akan diberikan dan hampir semua aktiviti ekonomi dan perniagaan akan dibenarkan beroperasi semula secara berperingkat, dengan **pematuhannya sepenuhnya** kepada **Standard Operational Procedure (SOP)**. Premis-premis dan aktiviti-aktiviti perniagaan di bawah adalah diberi kebenaran beroperasi sepanjang tempoh **PKPP** mengikut waktu had operasi dan syarat-syarat SOP sebagaimana ketetapan berikut :

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
1.	Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis) a) Restoran b) Kedai Makan c) Medan Selera d) Gerai Makan e) Gerai Makan Tepi Jalan (Berbungung)	Beroperasi seperti biasa (Sebagaimana syarat kelulusan lesen)	<ul style="list-style-type: none">a. Proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan 3 kali sehari dalam tempoh operasi.b. Hendaklah merekod kehadiran termasuk nama penuh, no. kad pengenalan, no telefon serta suhu badan pekerja dan pelanggan setiap hari. Pekerja dan pelanggan yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celcius dan ke atas atau bergejala tidak dibenarkan masuk ke dalam premis.c. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> berdasarkan alkohol atau tempat cuci tangan lengkap dengan sabun.d. Membekalkan pelitup muka kepada pekerja dan memakainya pada setiap masa.e. Susun atur meja (empat segi) dengan jarak 2 meter antara meja dan jarak antara individu 1 meter. Bagi meja bulat, bilangan pelanggan bergantung kepada saiz radius meja bulatf. Menyatakan dengan jelas jumlah pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa.g. Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang.h. Digalakkan membuat tempahan secara <i>online</i> untuk <i>dine in</i> atau <i>take away</i>.

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
			<ul style="list-style-type: none"> i. TIADA kerusi meja boleh diletakkan di luar kawasan premis perniagaan. j. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN. k. Pelesen, pekerja dan pelanggan perlu mendaftar aplikasi MySejahtera bagi pengesahan kontak.
2.	Sektor Makanan (Perniagaan Tanpa Premis) <ul style="list-style-type: none"> a) Kenderaan Saji (<i>Food Truck</i>) b) Penjaja Bergerak c) Penjaja Statik / Sementara 	 <p>Beroperasi seperti biasa (Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Hendaklah merekod suhu badan pekerja setiap hari pada awal waktu operasi. Pekerja dan pelanggan yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celcius dan ke atas atau bergejala tidak dibenarkan hadir. b. Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan di kawasan perniagaan pada satu-satu masa (tidak berkumpul dan bersesak-sesak). Memastikan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian. c. Tidak dibenarkan berkumpul semasa menunggu pesanan. d. Mewajibkan kebersihan tangan dengan menggunakan air dan sabun atau <i>hand sanitizer</i>. e. HANYA DIBENARKAN jualan secara bungkus, <i>delivery</i> dan <i>take away</i>. Peletakkan kerusi dan meja adalah dilarang. f. Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang. g. Melakukan pembersihan dan nyahkuman mengikut garis panduan KKM. h. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN i. Mendaftar aplikasi MySejahtera bagi pengesahan kontak
3.	Stesen Minyak dan Kedai Serbaneka dalam Stesen Minyak	 <p>Beroperasi seperti biasa (Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan 3 kali sehari dalam tempoh operasi dan <i>pump nozzle</i> dinyah kuman secara kerap. b. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> berdasarkan alkohol atau tempat cuci tangan lengkap dengan sabun c. Hendaklah merekod suhu badan pekerja serta pelanggan setiap hari. d. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis. e. Menghadkan bilangan pelanggan di kawasan perniagaan pada satu-satu masa. f. Mewajibkan pekerja memakai pelitup muka semasa berada di dalam premis. g. Menggalakkan bayaran secara elektronik. h. Perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindakbalas Menangani Covid-19 bagi penyediaan dan pengurusan tatacara mengurus kes-kes jangkitan Covid-19.

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
4.	Pasaraya, Pasar Mini, Kedai Runcit, Kedai Serbaneka Termasuk Seven Eleven	Beroperasi seperti biasa <i>(Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. Proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutama di kawasan umum dan peralatan guna sama. b. Merekod kehadiran dan suhu badan pelanggan dan pekerja setiap hari. c. Menghadkan laluan keluar dan masuk pelanggan. d. Meminimumkan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa tertakluk saiz premis. e. Melaksana Program Kesedaran Awam. f. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> berdasarkan alkohol atau tempat cuci tangan lengkap dengan sabun g. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis h. Mewajibkan pekerja memakai pelitup muka semasa berurusan. i. Menggalakkan bayaran secara elektronik. j. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN
5.	Klinik Swasta, Farmasi, Pusat Dialisis Dan Klinik 24 Jam, Klinik Veterinar	Beroperasi seperti biasa	<ul style="list-style-type: none"> a. Pelaksanaan langkah-langkah kawalan dan pencegahan penularan penyakit berjangkit melalui saringan suhu badan, penyediaan <i>hand sanitizer</i>, penjarakan sosial serta lain-lain perkara yang digariskan KKM. b. Mewujudkan sistem temujanji secara <i>online</i>. c. Tidak menggalakkan pelanggan <i>walk in</i> kecuali kecemasan. d. Menghadkan kehadiran pengiring kecuali untuk anak kecil dan warga tua yang memerlukan bantuan. e. Menghadkan bilangan pintu masuk supaya pergerakan keluar dan masuk pelanggan boleh dikawal.
6.	Kedai Dobi (<i>termasuk layan diri</i>)	Beroperasi seperti biasa <i>(Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. Proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan 3 kali sehari dalam tempoh operasi. b. Menggalakkan penggunaan <i>hand sanitizer</i>. c. Menugaskan sekurang-kurangnya seorang pekerja untuk : d. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa di premis e. Menghadkan bilangan pelanggan di premis pada satu-satu masa. f. Merekod kehadiran dan suhu badan pelanggan dan pekerja. g. Tiada kemudahan wifi disediakan h. Menggalakkan pelanggan memakai pelitup muka semasa berada di dalam premis i. Menggalakkan pembayaran secara elektronik. j. Aktiviti melipat pakaian di dalam premis layan diri adalah tidak dibenarkan. k. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN.

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
7.	Kedai Menjual Pakaian, Kain Dan Aksesori Fesyen (Kecuali Aktiviti <i>Fitting</i> Pakaian)	Beroperasi seperti biasa <i>(Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. Proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan 3 kali sehari dalam tempoh operasi. b. Menghadkan laluan keluar dan masuk pelanggan. c. Meminimakan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa. d. Tidak membenarkan pelanggan mencuba pakaian. e. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> berdasarkan alkohol f. Hendaklah merekod kehadiran dan suhu badan pekerja dan pelanggan. g. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis h. Mewajibkan pekerja memakai pelitup muka semasa berurus. i. Menggalakkan bayaran secara elektronik. j. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN
8.	Lain-lain perniagaan peruncitan : <ul style="list-style-type: none"> a) Kedai Perabot b) Kedai Emas c) Kedai Elektrik & Elektronik d) Kedai Buku Dan Alat Tulis e) Kedai <i>Hardware</i> f) Kedai Makanan Haiwan g) Kedai Gambar Kedai Cermin Mata dan Alat Optik	Beroperasi seperti biasa <i>(Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. Proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan 3 kali sehari dalam tempoh operasi b. Meminimakan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa. d. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> berdasarkan alkohol e. Hendaklah merekod kehadiran dan suhu badan pekerja dan pelanggan f. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis g. Mewajibkan pekerja memakai <i>pelitup muka</i> semasa berurus dan menggalakkan pemakaian <i>pelitup muka</i> oleh pelanggan. h. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN
9.	Pasar Awam dan Persendirian	6.00 pagi hingga 12.00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> a. Merekod kehadiran dan suhu badan pekerja pada setiap pagi. b. Saringan kesihatan Covid-19 kepada semua pekerja warga asing yang mempunyai permit kerja. c. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis d. Disinfeksi bangunan setiap hari selepas operasi. e. Jarak antara meja adalah 2 meter. f. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN
10.	Pasar malam, pasar pagi dan bazar.	DIBENARKAN	BEROPERASI MULAI 15 JUN 2020 TERTAKLUK KEPADA GARISPANDUAN DAN SOP YANG AKAN DIKELUARKAN.
11.	Perkhidmatan Mesin ATM dan CDM	Beroperasi seperti biasa	<ul style="list-style-type: none"> a. Mengurangkan keperluan pelanggan menyentuh alatan di premis seperti skrin sistem beratur dan alat tulis.
12.	<ul style="list-style-type: none"> a) Kedai Pajak dan Kredit Komuniti b) Ar Rahnu dan Koperasi 	Beroperasi seperti biasa <i>(Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. Pekerja wajib memakai pelitup muka dan pelanggan digalakkan memakai pelitup muka. b. Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celcius ke atas, atau mempunyai gejala batuk, selsema atau demam tidak dibenarkan masuk ke premis.

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
			<ul style="list-style-type: none"> c. Memastikan penjarakan sosial 1 meter ketika berurus. d. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> e. Memuat turun aplikasi MySejahtera untuk pengesahan kontak rapat
13.	Pegangan Awam, Teksi dan E-Hailing	5.00 pagi hingga 12.00 malam	<ul style="list-style-type: none"> a. Memastikan hanya 2 orang penumpang sahaja pada dibenarkan pada satu-satu masa. b. Penumpang hanya dibenarkan duduk di belakang sahaja. c. Menggalakkan pembayaran tambang secara bukan tunai. d. Menggalakkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> sebelum dan selepas mengambil penumpang. e. Pemandu dan penumpang perlu memakai <i>pelitup muka</i>.
14.	Operasi courier/ e-hailing (penghantaran barang melalui kenderaan persendirian dan perdagangan)	Beroperasi seperti biasa (<i>Sebagaimana syarat kelulusan permit</i>)	<ul style="list-style-type: none"> a. Kenderaan yang digunakan perlu menjalani pembersihan dan sanitasi berkala. b. Semua penunggang diwajibkan untuk memakai <i>pelitup muka</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i> serta membasuh tangan dengan kerap. c. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN
15.	Sektor Perhotelan <ul style="list-style-type: none"> a) Penginapan b) Restoran 	Beroperasi seperti biasa (<i>Sebagaimana syarat kelulusan lesen</i>)	<ul style="list-style-type: none"> a. Tetamu dari perkhidmatan penting serta lain-lain sektor yang dibenarkan kerajaan. b. Mengambil dan merekod maklumat peribadi termasuk suhu badan pekerja/ tetamu hotel/ penyedia perkhidmatan yang hadir ke premis. c. Amalkan penjarakan sosial serta langkah pencegahan jangkitan bagi pekerja dan tetamu. d. Menghadkan kehadiran pengunjung di lobi hotel pada satu-satu masa. e. Khidmat Restoran (<i>dine-in, ala carte , room service</i> sahaja) f. Sanitasi awam sekurang-kurangnya 2 kali sehari. g. Larangan penggunaan fasiliti/ kemudahan hotel kepada tetamu.
16.	Sektor Agrikomoditi <ul style="list-style-type: none"> a) Kilang pemprosesan b) Input Pertanian (Baja/ Racun) c) Kedai Menjual Dan Membaiki Mesin Dan Jentera 	Beroperasi seperti biasa (<i>Sebagaimana syarat kelulusan lesen</i>)	<ul style="list-style-type: none"> a. Majikan perlu menyediakan protokol standard pencegahan jangkitan yang ditetapkan KKM. b. Merekod kehadiran pekerja dan suhu badan setiap hari sebelum operasi. c. Laporkan kepada pejabat Kesihatan berdekatan sekiranya berlaku ketidakhadiran melebihi 5% pekerja disebabkan demam atau bergejala.
17.	a) Sektor Pembuatan <ul style="list-style-type: none"> i. Perusahaan ii. Perindustrian 	Beroperasi seperti biasa (<i>Sebagaimana syarat kelulusan lesen</i>)	<ul style="list-style-type: none"> a. Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencengahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan KKM.

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
	b) Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantaian kepada ekonomi		<p>b. Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh majikan perlu melalui pembasmian dan nyah kuman setiap kali selepas digunakan serta pelaksanaan sosial bagi semua penumpang dalam kenderaan.</p> <p>c. Majikan perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tndakbalas Kecemasan bagi penyediaan dan tatacara mengurus kes-kes kecemasan</p>
18.	Kedai Gunting Rambut (Aktiviti Korek Telinga, Gunting Bulu Hidung, Urut Kepala/Bahu/ Badan adalah TIDAK DIBENARKAN)	Beroperasi seperti biasa <i>(Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</i>	<p>a. Bilangan pelanggan dibenarkan pada satu-satu masa tertakluk keluasan premis dan penjarakan sosial</p> <p>b. Pelanggan tidak boleh menunggu di dalam premis kecuali penjaga kanak-kanak bawah 12 tahun.</p> <p>c. Pelanggan dan pekerja wajib memakai pelitup muka semasa berada di kedai gunting rambut kecuali semasa bercukur jambang/cuci muka.</p> <p>d. Pelesen dan pelanggan perlu merekod kehadiran di aplikasi MySejahtera.</p> <p>e. Hanya premis berdaftar dan mempunyai lesen PBT sahaja dibenar beroperasi.</p> <p>f. Pelanggan berumur 60 tahun dan ke atas wajib membuat temujanji dan tidak boleh ada pengunjung lain daripada kumpulan umur ditetapkan.</p> <p>g. Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun wajib hadir bersama penjaga.</p> <p>h. Pekerja perlu memakai pelitup muka, apron pakai buang, sarung tangan semasa melayani pelanggan.</p> <p>i. Tidak berkongsi tuala yang sama bagi setiap pelanggan</p> <p>j. Jarak selamat antara kerusi tukang gunting sekurang-kurangnya 2 meter.</p> <p>k. Pekerja perlu menjalani ujian covid-19 mengikut arahan terkini Kerajaan.</p> <p>l. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN</p>
19.	Salun Kecantikan (Rawatan tab mandi, jakuzi, sauna, skrub, pengapungan, urutan badan dan kaki serta refleksologi adalah TIDAK DIBENARKAN)	Beroperasi seperti biasa <i>(Sebagaimana syarat kelulusan lesen)</i>	<p>a. Tertakluk kepada kesemua syarat dan SOP bagi kedai gunting rambut (<i>a hingga k di atas</i>)</p> <p>b. Pekerja salon kecantikan boleh memakai face shield secara berulang kali dengan memastikan kekerapan penjagaan dan penggantian sekiranya rosak.</p> <p>c. Jumlah pekerja kecantikan adalah bergantung kepada keluasan premis dan pematuhan penjarakan sosial pada satu-satu masa.</p> <p>d. Perkhidmatan salun kecantikan secara <i>mobile</i> boleh diberikan dengan mematuhi prosedur pencegahan seperti pengambilan suhu badan pelanggan, <i>face shield</i>, kebersihan peralatan dan penjarakan sosial.</p>

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
20.	Kolam Memancing Ikan dan Komersial	Beroperasi seperti biasa (Sebagaimana syarat kelulusan lesen)	<ul style="list-style-type: none"> a. Proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan 3 kali sehari dalam tempoh operasi. b. Hendaklah merekod kehadiran termasuk nama penuh, no. kad pengenalan, no telefon serta suhu badan pekerja dan pelanggan setiap hari. Pekerja dan pelanggan yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celcius dan ke atas atau bergejala tidak dibenarkan masuk ke kawasan memancing. c. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> berdasarkan alkohol atau tempat cuci tangan lengkap dengan sabun. d. Membekalkan pelitup muka kepada pekerja dan memakainya pada setiap masa. e. Menyatakan dengan jelas jumlah pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa. f. Penyediaan dan jualan makan dan minum adalah tidak dibenarkan. g. Perniagaan oleh warga asing (bukan warganegara) adalah TIDAK DIBENARKAN. h. Pelesen, pekerja dan pelanggan perlu mendaftar aplikasi MySejahtera bagi pengesahan kontak.
21.	Sektor Penjagaan Sosial a) Taska Tertakluk kepada Garis Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca PKP Bagi Keselamatan Warga Taska	Beroperasi seperti biasa (Sebagaimana syarat kelulusan lesen)	<ul style="list-style-type: none"> a. Pengusaha, guru dan kakitangan Taska bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengisyiharkan diri mereka bebas dari sebarang gejala atau risiko Covid-19. b. Premis mesti dibersih dan dinyah kuman sebelum beroperasi. c. Membuat surat permohonan operasi kepada MDSR sebelum membuka semula operasi taska. d. Mengisi borang Akuan Pengisyiharan Kesihatan oleh Kanak-kanak/ ibu bapa/ Penjaga dan Kakitangan Taska. e. Mematuhi peruntukan ruang bagi setiap kanak-kanak (2.5m persegi bagi taska rumah dan komuniti dan 3.5m persegi bagi taska institusi dan tempat kerja) f. Melaksanakan saringan sebelum masuk/ semasa berada dan sebelum balik bagi mengesan gejala berkaitan covid-19. g. Kakitangan atau kanak-kanak yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celcius atau batuk, demam, selsema sakit tekak atau sesak nafas dilarang berada di Taska. h. Kanak-kanak yang mempunyai gegala semasa di taska perlu diasingkan dan ibu bapa perlu mengambil anaksegera untuk rawatan. i. Kakitangan atau kanak-kanak yang pernah menjadi kontak rapat dengan orang yang

BIL	JENIS AKTIVITI/ PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI	SYARAT/ ARAHAN/ SOP
			<p>positif covid-19 atau orang yang baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke Taska dalam tempoh 14 hari.</p> <ul style="list-style-type: none"> j. Menjalankan proses pembersihan dan disinfeksi di taska setiap hari sekurang-kurangnya 2 kali sehari. k. Menyediakan sabun dan <i>hand sanitizer</i> yang mencukupi untuk kegunaan kanak-kanak dan kakitangan. l. Tidak memberarkan perkongsian permainan, peralatan peribadi, makanan dan tempat tidur. m. Pengasuh membasuh tangan setiap kali sebelum dan selepas mengendali kanak-kanak. n. Meletakkan label penjarakan sosial jarak 1 meter di lantai khususnya di ruang makan, ruang tidur dan ruang membasuh tangan. o. Penggunaan pelitup muka sepanjang masa oleh kakitangan. p. Melatih kanak-kanak taska akan kepentingan menjaga kebersihan, jarak sosial dan etika batuk dan bersin. q. Memantau supaya kanak-kanak tidak berpelukan semasa menjalankan aktiviti. r. Menghadkan aktiviti berkumpulan s. Pelawat tidak dibenarkan. t. Memaklumkan ibu bapa agar memandikan kanak-kanak sebaik sampai di rumah. u. Menutup taska serta merta sekiranya terdapat warga dalam taska yang disahkan positif covid-19. v. Berhubung dengan Pejabat Kesihatan berhampiran untuk konsultasi. w. Melakukan pembersihan dan disinfeksi mengikut panduan ditetapkan KKM
22.	Semua premis perniagaan termasuk premis perniagaan 24 jam (kecuali sektor perusahaan dan industri)		8.00 pagi hingga 12.00 malam sahaja.
23.	Gimnasium, Dewan Badminton, Kompleks Sukan Pelbagai dan Pusat-pusat Sukan Lain	BEROPERASI MULAI 15 JUN 2020	<ul style="list-style-type: none"> a. Sukan berpasukan seperti bola sepak, hoki, ragbi bola keranjang dan Sukan Tempur seperti Taekwondo, Karate dan Silat dibenarkan untuk tujuan latihan sahaja dan bukan secara permainan atau perlawanan. b. Aktiviti Sukan <i>non-contact</i> iaitu sukan individu, permotoran, sukan ekstrem, sukan rekreasi dan riadah juga dibenarkan dengan syarat penjarakan sosial. c. Tertakluk kepada protokol am individu dan pengurusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dari semasa ke semasa.
24.	Lain-lain aktiviti perniagaan yang ingin beroperasi tetapi tidak dinyatakan di dalam jadual ini (Bil 1 hingga 23 di atas) hendaklah mengemukakan permohonan secara terus kepada MDSR sebelum menjalankan sebarang aktiviti perniagaan.		

JENIS PERNIAGAAN/ AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

BIL	JENIS AKTIVITI/ PERNIAGAAN	CATATAN
1.	Agenzi Nombor Ramalan	Tidak Dibenarkan Beroperasi
2.	Pusat Refleksologi, Pusat Estatik, Pusat Urut	Tidak Dibenarkan Beroperasi
3.	Aktiviti Hiburan Termasuk Pusat Hiburan, Pusat Karaoke, Pusat Snooker, Kelab Malam Dan Taman Tema	Tidak Dibenarkan Beroperasi
4.	Aktiviti sukan dan rekreasi - Penganjuran sebarang kejohanan dan pertandingan, aktiviti yang bersentuhan badan, permainan atau perlawanan sukan berpasukan dan sukan tempur, aktiviti dalam kolam renang.	Tidak Dibenarkan
5.	Aktiviti Perarakan Keagamaan, Perhimpunan, Karnival Jualan, Persidangan Berkumpulan, Pameran Dan Aktiviti Sosial	Tidak Dibenarkan
6.	Semua Urus Niaga Mendapatkan Jualan (<i>Sales Dan Marketing Activities</i>) Di Luar Premis Institusi Kewangan Atau Kawasan Awam	Tidak Dibenarkan
7.	Semua Penggunaan Fasiliti Di Hotel Seperti Surau, Spa, Sauna, Lounge, Café (Bagi Tujuan Buffet)	Tidak Dibenarkan

Pematuhan kepada syarat-syarat dan SOP yang ditetapkan bagi setiap kategori perniagaan atau aktiviti adalah mandatori. Sehubungan dengan itu, semua pelesen dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki mematuhi arahan-arahan notis ini bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas tuan/puan. Arahan ini berkuatkuasa mulai **10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020**.

Sebarang ketidakpatuhan kepada syarat-syarat dan ketetapan SOP akan mengakibatkan tindakan penutupan premis dilakukan **SERTA-MERTA** di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Ia adalah selaras dengan peruntukan kuasa kepada Majlis Daerah Simpang Renggam di bawah Seksyen 72(1)(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan boleh dipinda tertakluk kepada arahan selanjutnya daripada pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan dalam perkara ini diucapkan terima kasih. Sebarang aduan/ pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui :

Tel 077551300, Hotline : 1300-88-6377, WhatsApp Aduan : 0197551300

Dengan perintah,

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGM
10 Jun 2020**

puu